



## JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000  
Faks: 603-8880 8288  
Laman Web: www.jpn.gov.my  
E-mel: pro@jpn.gov.my



### SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN PT:163/2/3 Klt.35 (42)  
Tarikh : 27 Jun 2016

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Telah difakskan pada: 27 JUN 2016

Tuan,

### MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "IMPI PERGI SEKOLAH TIAP PAGI" BERTARIKH 27 JUN 2016, ISNIN – M.S: 42 (RANTAU PANJANG)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dikemukakan oleh Puan Siti Noraidil Fitri binti Che Nordin berkenaan ketiadaan dokumen pengenalan diri bagi anak – anaknya.
3. Pihak JPN Daerah Pasir Mas, Kelantan telah hadir ke rumah Puan Siti Noraidil Fitri binti Che Nordin bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan permasalahan ketiadaan dokumen pengenalan diri anak – anak beliau. Hasil semakan mendapati Puan Siti Noraidil Fitri binti Che Nordin tidak mendaftarkan kelahiran enam orang anaknya kerana isu dokumen perkahwinan beliau.
4. Sehubungan dengan itu, pihak JPN juga telah memberikan borang permohonan daftar lewat kelahiran untuk dilengkapi dan dikemukakan semula ke pejabat JPN yang berdekatan. Jabatan ini bersedia memproses permohonan pendaftaran lewat kelahiran anak – anak Puan Siti Noraidil Fitri binti Che Nordin setelah semua dokumen dilengkapi bagi membolehkan ia diproses dan dikeluarkan sijil kelahiran berdasarkan undang – undang sedia ada.

Sekian, terima kasih

### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

### (FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
  3. YBrs. Tuan TKPPN (O)

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005  
CERT. NO.: AR 4763